



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 7 TAHUN 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua Polis Negara, Bahagian Kewangan.

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT).

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri.

Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara.

Semua Pusat Gaji

**PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KALI KEDUA
TAHUN 2010**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2010 kepada semua Pegawai Perkhidmatan awam Persekutuan yang

yang masih berkhidmat pada 15 Oktober 2010 dan selepasnya. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2010 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bernombor rujukan JPA(BGE)223/5/4-3(74) yang berkuatkuasa mulai 10 November 2010.

2. PENETAPAN TARIKH BAYARAN DAN AMAUN BANTUAN KHAS KEWANGAN KALI KEDUA TAHUN 2010

Kerajaan telah menetapkan supaya Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2010 sebanyak RM500.00 diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak dari Gred 1 hingga Gred 54 dan hendaklah dibayar pada 1 Disember 2010.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

3.1. KAEDAH DAN TATACARA PEMBAYARAN

Bagi tujuan memastikan bayaran ini dapat dilaksanakan pada tarikh yang telah ditetapkan, Pejabat Perakaunan diminta menguruskan proses bayaran berpandukan tatacara proses pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2010 yang telah dihantar kepada semua JANM Negeri/Cawangan termasuk JMS pada 19 November 2010 dan boleh diperoleh melalui Buletin GFMAS.

3.2 CUKAI PENDAPATAN

Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2010 tidak dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan terhadap sumbangan

pegawai yang memberi komitmen penuh dalam menjayakan agenda Kerajaan.

3.3 POTONGAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Bantuan Khas Kewangan ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "upah" sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta KWSP 1991, sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke KWSP.

3.4 PEGAWAI YANG TIDAK TERSENARAI

Bagi pegawai yang layak tetapi tercicir pada bayaran yang telah dilakukan oleh JANM Negeri dan Cawangan serta JMS sebagaimana di para 3.1, PTJ berkenaan hendaklah menguruskan bayaran ini dengan mengambilkira kelayakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2010.

3.5. PEMBAYARAN MELALUI BAUCAR BERASINGAN

Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2010 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan Gaji (Kew.8) dengan menyertakan dokumen sokongan yang lengkap.

3.6. KOD URUSNIAGA

Kod urusanniaga yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

<u>KOD SODO</u>	<u>KOD ELAUN</u>	<u>PERIHAL KOD SODO</u>
15106	1530	Pemberian Khas Bagi Yang Menyandang Jawatan Tetap.
29306	1530	Pemberian Khas. Bayaran kepada Pegawai Awam Persekutuan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap dan Pekerja Sementara Dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan-Jawatan Tetap.

4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN KALI KEDUA TAHUN 2010

Kementerian / Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan Kali Kedua Tahun 2010 ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan untuk mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD

Akauntan Negara Malaysia.

27 November 2010

s.k.

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/Bendahari Negeri.
3. Ketua Eksekutif, LHDN
4. Pengurus Besar KWSP